

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.3 (16)

06 Jun 2023
17 Zulkaedah 1444H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 31/2023

Semua Staf UTM
Universiti Teknologi Malaysia

PELAKSANAAN PENETAPAN MATA CPD STAF UTM SELARAS DENGAN LATIHAN BERASASKAN KOMPETENSI (*COMPETENCY BASED TRAINING*)

Pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.8/2023 bertarikh 2 Mei 2023 telah bersetuju meluluskan Pelaksanaan CPD bagi Staf Akademik dan Staf Pengurusan, Profesional dan Pelaksana (PPP) selaras dengan Latihan Berasaskan Kompetensi (*Competency Based Training*) di Universiti Teknologi Malaysia.

2. Pelaksanaan CPD berasaskan kompetensi untuk staf UTM diwujudkan bertujuan untuk memastikan staf menghadiri latihan mengikut komponen CPD yang telah ditetapkan selaras dengan keperluan kompetensi yang diperlukan oleh staf UTM. Selain itu, ia juga dapat membentuk staf yang berpengetahuan tinggi, berkemahiran dan mempunyai sikap positif melalui kehadiran ke program/kursus yang lebih menyeluruh.

3. Universiti telah menambahbaik penetapan Mata CPD dengan pengiraan mata CPD baharu yang lebih terperinci dengan menentukan keperluan CPD tahunan berdasarkan kompetensi yang dibangunkan. Staf hanya perlu menghadiri latihan bagi memenuhi jurang kompetensi serta pemilihan peserta kursus lebih tepat mengikut keperluan kompetensi. Cadangan pengiraan Mata CPD baharu bagi pelaksanaan CPD selaras dengan Latihan Berasaskan Kompetensi (*Competency Based Training*) adalah seperti jadual berikut:

Jenis	Tempoh	Pengiraan CPD
Kursus Jangka Pendek	Tempoh program melebihi 4 jam	1 jam= 1 mata CPD 1 hari = 6 mata CPD (maksima) 1 hari setengah = 9 CPD
Program Wajib Perkhidmatan (PWP)	Bergantung kepada program contoh PTM, BC4DCP	1 program = 12 CPD (maksima) Terhad 12 CPD tanpa mengira jumlah hari program.
Program selain PWP yang melebihi 2 hari	Tempoh bergantung kepada kelulusan: OJT / Attachment / Latihan Kepakaran	1 program = 12 CPD (maksima)
Program Umum	Tempoh kurang dari 4 jam, tetapi lebih dari 1 jam	1 program = 1 CPD
Perkongsian	Mengikut jenis program	1 program kurang 4 jam= 1 CPD 1 program lebih 4 jam = 2 CPD

Jadual 1 : Pengiraan Mata CPD Baharu Staf UTM

4. Jumlah mata minimum CPD Staf UTM adalah 42 mata setahun. Sebanyak lima (5) peratus daripada jumlah mata CPD yang dikumpulkan oleh staf UTM akan diambil kira dalam Laporan Penilaian Prestasi Staf (e-LPPT/e-LNPT) mulai tahun 2023. Semua staf UTM wajib memenuhi keperluan mata CPD tahunan berdasarkan pecahan gred jawatan dan pemetaan kompetensi yang telah ditetapkan seperti berikut.

Gred	Kepimpinan	Fungsian	Teras	Generik/ Umum/ Generik Akademik	Strategik Universiti	Umum	Jumlah
11 - 28	–	30			8	4	42
29 -40	–	30			8	4	42
41 - 52	18		12		8	4	42
54 / VU / VK	18		–	12	8	4	42

Jadual 2 : Pecahan Mata CPD mengikut Gred Jawatan

5. Walau bagaimanapun pelaksanaan Mata CPD bagi Staf Akademik mengikut pecahan pada tahun 2023 ini, adalah separuh daripada 42 mata iaitu 21 mata. Justeru, ianya akan diambil kira di dalam Laporan Penilaian Prestasi Staf Akademik (e-LPPT) sebanyak lima (5) peratus tanpa mengambil kira komponen CPD yang telah ditetapkan di dalam Jadual 2. Pengumpulan Mata CPD mengikut pecahan bagi staf akademik akan dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2024.

6. Pelaksanaan penetapan Mata CPD selaras dengan Latihan Berasaskan Kompetensi (Competency Based Training) bagi staf UTM ini berkuat kuasa mulai tahun 2023. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti berstatus tetap dan kontrak (lantikan UTM) sahaja adalah diminta mengambil maklum mengenai perkara ini. Selaras dengan pelaksanaan Latihan Berasaskan Kompetensi (Competency Based Training) ini, hari Selasa petang sebagai hari latihan umum peringkat Universiti kepada semua staf UTM.
7. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Pentadbiran Bil. 31/2023 ini, Pekeliling Pentadbiran Bil.28/2018 Pelaksanaan Sistem Pengumpulan Mata MYCPD Pengurusan Profesional dan Pelaksana (PPP) UTM adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah